

**Kempen MyDebit di Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan
(1 Julai – 31 Disember 2020) ("Kempen"): Terma & Syarat**

1. Penganjur & Kelayakan

- 1.1 Kempen ini dianjurkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 200801035403 [836743-D]) ("PayNet") dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (yang dirujuk secara kolektif sebagai "Penganjur").
- 1.2 Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang merupakan Pemegang Kad Mesin Automatik ["ATM"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan terlibat yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah (contoh: kad pengenalan) layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini (dirujuk secara kolektif sebagai "Peserta").
- 1.3 Peserta juga mesti mempunyai akaun yang dengan mana-mana bank yang mengambil bahagian dalam perkhidmatan MyDebit, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Kempen sehingga penebusan Hadiah.
- 1.4 Selain dari apa yang dinyatakan sebaliknya, Kempen ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:
 - a. Kakitangan Pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri); dan/atau
 - b. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi bagi pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri)

2. Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen ini akan berlangsung mulai **1 Julai 2020 – 31 Disember 2020, atau satu tempoh dan tarikh yang dipersetujui penganjur secara Bersama** (Tempoh Kempen). Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Kempen pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notifikasi terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
- 2.2 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, semua penyertaan bagi pemilihan Hadiah yang disediakan untuk setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen mestilah dibuat pada bulan yang tersebut, sebagai contoh Hadiah untuk bulan Julai 2020 mestilah dihantar hanya pada bulan Julai 2020. Penyertaan bulan Julai 2020 adalah tidak layak untuk memenangi Hadiah untuk bulan Ogos 2020 dan bulan seterusnya.
- 2.3 Tarikh & Masa mula Kempen : jam 00:00 (GMT+8) pada 1 Julai 2020;
Tarikh & Masa tamat Kempen: jam 23:59 (GMT+8) pada 31 Disember 2020.

3. Kriteria dan Syarat Kelayakan untuk Pelanggan-Pelanggan Yang Mengambil Bahagian

- 3.1 Peserta di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang mengambil bahagian yang membuat pembayaran melalui transaksi MyDebit akan layak untuk menyertai Kempen ini.
- 3.2 Pembayaran boleh dibuat melalui transaksi MyDebit perlulah dibuat di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang mengambil bahagian untuk layak menyertai dan mestilah mematuhi semua garis panduan yang disenaraikan dalam Terma & Syarat ini.
- 3.3 Walau bagaimanapun Peserta tidak dibenarkan membuat bayaran secara ansuran atau membahagikan pembayaran mana-mana bil/invois untuk menyertai Kempen ini. Sebagai contoh, jika anda membayar bil/invois berjumlah RM30, anda tidak dibenarkan membayar secara ansuran atau membahagikan pembayaran kepada dua atau lebih transaksi sebanyak RM10 setiap satu. Segala pembayaran atau transaksi yang dibuat secara ansuran atau membahagikan pembayaran seperti yang tersebut adalah tidak sah dan tidak layak untuk memenangi sebarang Hadiah.

4. Syarat Penyertaan

- 4.1 Pembayaran melalui transaksi MyDebit yang dibuat oleh Peserta di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang mengambil bahagian boleh dianggap sebagai satu (1) penyertaan. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, tiada had pembayaran dikenakan tetapi pembayaran secara ansuran adalah tidak layak seperti yang dinyatakan di Klausula 3.3.
- 4.2 Setelah proses di Klausula 4.1 telah dibuat, Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WHATSAPP** atau melalui **MMS**.

Cara Penyertaan (1): Melalui aplikasi WhatsApp;

- Setiap penyertaan yang lengkap dan dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - (i) Ambil gambar Bukti Pembayaran (Resit Bank menunjukkan pembayaran dengan kad ATM MyDebit);
 - (ii) SIMPAN: **SLIP TRANSAKSI MyDebit** sebagai bukti pembayaran.
 - (iii) Hantar penyertaan anda melalui telefon pintar menggunakan aplikasi WhatsApp ke nombor **016 4968 209**
 - (iv) Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Kempen, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
- Perhatian: Setiap pembayaran di kaunter Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang mengambil bahagian akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak.

Cara Penyertaan (2): Melalui MMS

- Setiap penyertaan yang lengkap dan dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - (i) Ambil gambar Bukti Pembayaran (Resit Bank menunjukkan pembayaran dengan kad ATM MyDebit);
 - (ii) SIMPAN: **SLIP TRANSAKSI MyDebit** sebagai bukti pembayaran.
 - (iii) Hantar penyertaan anda melalui telefon pintar menggunakan MMS ke nombor **016 4968 209**
 - (iv) Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Kempen, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
- Perhatian: Setiap pembayaran di kaunter Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang mengambil bahagian akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak.

- 4.3 Untuk dianggap sebagai penyertaan, pembayaran hendaklah dibuat melalui transaksi MyDebit dan dilakukan dalam Tempoh Kempen dan mematuhi kriteria kelayakan serta Terma & Syarat yang dinyatakan di sini, untuk dianggap sebagai penyertaan.
- 4.4 Tiada had kepada bilangan penyertaan, tetapi penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
- 4.5 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta yang kelayakannya dipersoalkan atau Peserta tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini kerana dan tidak terhad kepada Peserta yang melanggar Terma dan Syarat Kempen ini, mengganggu operasi Kempen ini, terdapat unsur penipuan atau penyalahgunaan, atau melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku yang dianggap memudaratkan atau tidak adil kepada Penganjur atau mana-mana pihak yang lain (dalam setiap kes ditentukan pada budi bicara mutlak Penganjur) adalah tertakluk kepada kehilangan kelayakan untuk kemasukan atau penyertaan dalam Kempen ini.

5. Senarai Pendek dan Pengumuman Pemenang

- 5.1 Peserta yang layak akan dipilih secara cabutan rawak berkomputer dari data yang dikumpul di sistem komputer semasa Tempoh Kempen. Cabutan akan dijalankan secara rawak berkomputer dari data yang dikumpul mengikut bulan dari mula sehingga akhir Tempoh Peraduan [**"Peserta yang Terpilih"**]. Cabutan rawak berkomputer akan dijalankan oleh pihak PayNet mengikut budi bicara mutlak PayNet.
- 5.2 Peserta yang Terpilih akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab soalan seperti yang ditentukan oleh PayNet. Peserta yang Terpilih perlu menjawab semua soalan dengan betul untuk memenangi Hadiah. Proses ini akan digunapakai bagi menentukan kesemua pemenang dalam semua kategori.
- 5.3 Sekiranya Peserta yang Terpilih tidak dapat dihubungi selepas TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut (pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab semua soalan dengan tepat, PayNet mempunyai hak untuk menghubungi Peserta yang dipilih dari cabutan rawak yang seterusnya, dan mengisytiharkan Peserta yang Terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut proses yang dinyatakan di atas.
- 5.4 Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diterima oleh Penganjur.
- 5.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
- 5.6 Senarai pemenang akan disiarkan dan diumumkan di laman web Penganjur.
- 5.7 Sekiranya terdapat pertindihan pendapat antara Penganjur, keputusan Paynet adalah muktamad.

6 Hadiah

6.1 Hadiah untuk Kempen ini adalah:

A. Hadiah Tajaan

Jenis	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Yamaha Y15ZR V2	3 (Tiga)
Hadiah Bulanan	Wang tunai RM100 setiap seorang	50 pemenang setiap bulan untuk 6 bulan Tempoh Kempen

6.2 Segala jenis visual dan/atau gambaran bagi Hadiah yang digambarkan dalam mana-mana iklan, Kempen, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak boleh menggambarkan warna dan/atau keadaan sebenar hadiah-hadiah tersebut.

6.3 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak memberi apa-apa jaminan atau perwakilan, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan Kempen ini termasuk dan tidak terhad kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan. Penganjur juga tidak memberi apa-apa jaminan tentang kualiti dan kebolehgunaan yang berkaitan dengan hadiah-hadiah yang ditawarkan.

6.4 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat pembekal hadiah. Tertakluk kepada peruntukan undang-undang, Penganjur dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab ke atas segala liabiliti yang timbul atau liabiliti akibat daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah dari sebarang keadaan yang tidak dijangkakan, di luar kawalan pihak Penganjur dan bagi sebarang perbuatan atau keingkaran mana-mana pihak ketiga atau pembekal. Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar hadiah kepada wang tunai.

6.5 Penganjur tidak akan menanggung sebarang liabiliti sekiranya pemenang tidak dapat menggunakan Hadiah untuk sebarang sebab, termasuk sebab-sebab yang timbul daripada pelanggaran terma yang ditetapkan. Pemenang yang telah menerima hadiah, dianggap telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam semua acara publisiti yang dianjurkan oleh pihak Penganjur.

6.6 Sebarang perbelanjaan, caj dan kos sampingan berkaitan dengan hadiah termasuk dan tidak terhad kepada apa cukai/fi/insuran yang dikenakan yang berkaitan dengan Hadiah adalah ditanggung oleh pemenang sepenuhnya.

6.7 Semua hadiah tidak boleh dipindah milik.

6.8 Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

7. Pengumuman atau pemberitahuan kepada pemenang

7.1 Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur melalui panggilan telefon berdasarkan maklumat yang terdapat dalam penyertaan yang telah diterima.

8. Penebusan dan Pelupusan Hadiah

- 8.1 Pemenang perlu memaklumkan kepada Penganjur dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan oleh Penganjur, bahawa pemenang akan menebus Hadiah yang telah dimenangi. Sekiranya pemenang menolak atau gagal memberikan jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang hadiah yang tidak dituntut.
- 8.2 Selain yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan.
- 8.3 Pemenang boleh melantik wakil untuk menuntut Hadiah, di dalam situasi-situasi tertentu dan ini tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur untuk membenarkan wakil tersebut menuntut hadiah berkenaan. Kebenaran bertulis dari pemenang asal yang telah disahkan dan pengesahan pengenalan diri wakil tersebut diperlukan untuk membolehkan wakil tersebut menuntut hadiah bagi pihak pemenang asal.
- 8.4 Pemenang bertanggungjawab di atas segala kos berkenaan untuk pemenang mengambil dan menuntut Hadiah di tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk kos pengangkutan yang berkaitan dengan pengambilan, tuntutan dan/atau penghantaran Hadiah. Semua cukai, caj dan kos sampingan yang terlibat hendaklah ditanggung sendiri oleh pemenang (jika berkaitan).
- 8.5 Pemenang mesti melalui proses pengesahan identiti diri yang dikenakan oleh Penganjur sebelum menebus Hadiah dan pemenang mestilah lulus dalam pengesahan tersebut. Hadiah akan ditarik balik jika terdapat percanggahan maklumat dengan proses pengesahan atau jika dokumen pengesahan yang disediakan adalah berbeza daripada maklumat yang diberikan oleh Institusi Kewangan yang berkenaan. Dokumen yang diperlukan untuk proses pengesahan adalah seperti berikut:
- (a) Kad pengenalan asal dan sah pemenang
 - (b) Kad MyDebit asal yang digunakan untuk transaksi pembayaran; atau
 - (c) Mana-mana dokumen yang difikirkan perlu yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- 8.6 Sekiranya dokumen yang diperlukan untuk pengesahan identiti diri untuk tuntutan hadiah tidak lengkap atau tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan, Penganjur berhak untuk melucutkan hak pemenang tersebut dan Hadiah yang berkaitan akan dibatalkan. Pemenang mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian bertulis bagi hadiah yang dituntut seperti yang dikehendaki oleh Penganjur.
- 8.7 Sekiranya pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, segala urusan berkaitan hal tersebut adalah tertakluk kepada budibicara Penganjur dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

9. Tanggungjawab dan Liabiliti

- 9.1 Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan di dalam Kempen ini, penebusan dan / atau penggunaan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami, dalam sebarang situasi yang melibatkan pihak ketiga atau Peserta, semasa dan selepas Kempen ini.

- 9.2 Dengan menyertai dan menerima Hadiah yang ditawarkan oleh Penganjur, Peserta dan pemenang dengan ini telah memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menerbitkan, memaparkan nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan gambar Peserta dan pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Kempen, dalam apa-apa cara penerbitan, pengedaran atau paparan dari semasa ke semasa tanpa sebarang royalti atau pampasan yang perlu dibayar kepada Peserta dan pemenang dan tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada pemenang atau peserta. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, gangguan manusia atau elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia di dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen.
- 9.3 Penganjur, promoter dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam sebarang perkara berikut:
- (a) Apa-apa kos, perbelanjaan tambahan yang ditanggung oleh Peserta untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini;
 - (b) Apa-apa bentuk gangguan teknikal;
 - (c) Campur tangan pihak yang tidak diiktiraf oleh Penganjur dalam Tempoh Kempen;
 - (d) Kesilapan elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia dalam pentadbiran Kempen dan pemprosesan penyertaan;
 - (e) Apa-apa kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, disalah hantar atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran sengaja Penganjur.
- 9.4 Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan / atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian adalah dikecualikan.

10. Perlindungan Data

- 10.1 Dengan menyertai Kempen ini dan pendedahan maklumat peribadi kepada Penganjur, Penganjur bersetuju untuk hanya menggunakannya untuk tujuan Kempen ini dan melindungi maklumat tersebut seperti yang dinyatakan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta mengenai perlindungan data, dan penerangan kepada peserta bagi tujuan untuk menghubungi Penganjur.
- 10.2 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, memproses, menggunakan dan menyimpan nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") dari institusi kewangan masing-masing serta memberi kebenaran kepada institusi kewangan masing-masing untuk berkongsi Data Peribadi tersebut kepada pihak Penganjur untuk tujuan menjalankan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang.
- 10.3 Penganjur mungkin menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses Data Peribadi Peserta, di mana pihak ketiga tersebut adalah bertanggungjawab dan haruslah tidak menggunakan Data Peribadi Peserta di dalam sebarang cara selain daripada apa yang dinyatakan di sini.

10.4 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- a) hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memaklumkan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
- b) hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
- c) hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.

10.5 Untuk sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman web pihak Penganjur di <https://facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603 8861 4076 (Isnin – Jumaat, 9 pagi – 5 petang).

10.6 Penganjur akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat dan memastikan, pemrosesan data yang dibuat oleh pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

10.7 Pihak Penganjur berhak untuk memindahkan beberapa maklumat Data Peribadi kepada pembekal perkhidmatan bagi tujuan pentadbiran Kempen ini dan tujuan menghubungi pemenang. Pembekal perkhidmatan yang dinyatakan di sini adalah termasuk dan tidak terhad kepada pembekal yang menguruskan Kempen ini. Pihak perkhidmatan tersebut adalah juga terikat secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.

11. Hak Penganjur

11.1 Penganjur berhak untuk meminda, mengubah atau memadam Terma dan Syarat yang terkandung di sini mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.

11.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian kewangan mana-mana yang dialami oleh Peserta yang timbul daripada keengganan, pembatalan atau penarikan balik Kempen.

11.3 Penganjur boleh menyerahkan semua hak yang diberikan oleh Peserta kepada mana-mana pihak di atas budi bicara Penganjur.

11.4 Penganjur berhak untuk melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen bagi sebarang sebab sekalipun, tanpa notis terlebih dahulu. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung daripada apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

11.5 Para pemenang juga mungkin dikehendaki untuk hadir dan / atau menyertai program publisiti. Wakil-wakil pemenang adalah tidak dibenarkan untuk mewakili pemenang untuk sebarang program publisiti.

12 Umum

- 12.1 Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/> pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen.
- 12.2 Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 12.3 Masa adalah intipati penting Terma & Syarat ini.
- 12.4 Pertandingan Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Melayu. Sebarang alih bahasa tidak diiktiraf.

[TAMAT]